

03. YAB. Tun, sejak Tahun 2002 - FeMAC merupakan sebuah persatuan utama yang mewakili pusat-pusat bertauliah kemahiran swasta di seluruh Malaysia dan bertanggungjawab untuk melahirkan pekerja-pekerja mahir bagi menampung keperluan guna tenaga samada bagi IKS mahupun industri-industri besar di Malaysia. Sehingga hari ini, keahlian FeMAC telah meningkat kepada 350 Pusat Bertauliah yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK – Kem. Tenaga Manusia) dan mempunyai hampir 20,000 pekerja swasta di dalam Industri Latihan Kemahiran Negara samada sebagai Tenaga Pengajar mahupun kakitangan sokongan yang sedang membangunkan hampir 17,000 pelatih dalam pelbagai bidang latihan untuk ditempatkan ke dalam industri Negara.

04. Untuk makluman YAB. Tun, sejumlah 50,000 belia/ beliawanis yang kebanyakannya dari Golongan B40 telah GAGAL untuk ditempatkan ke dalam mana-mana institusi pengajian mahupun latihan kemahiran disebabkan oleh KEKURANGAN DANA yang diperuntukkan bagi Pembangunan Modal Insan di Malaysia. Kami sebagai Penyedia Latihan Kemahiran berasa terpenggil untuk membawa isu ini ke perhatian YAB. Tun kerana selain daripada belia/ beliawanis tercicir, ianya juga memberi impak kepada pasaran guna tenaga tempatan untuk dibekalkan kepada industri-industri dalam Negara. Ini telah menyebabkan pihak industri terpaksa menggunakan tenaga mahir luar dan berlakunya lambakan pekerja asing di Negara kita.

05. Di bawah RMK-11, peruntukan dana yang diperuntukkan kepada PTPK bagi melatih belia/ beliawanis dalam bidang kemahiran hanya RM 200 juta setahun. Lebih memburukkan lagi keadaan, bagi Tahun 2018 hanya sejumlah RM 175 juta disalurkan kepada pihak PTPK untuk diagihkan kepada Institut Latihan Kemahiran Awam – RM50 juta dan Institut Latihan Kemahiran Swasta – RM 125 juta. Dengan dana yang diperuntukkan ini, hanya 17,000 belia/ beliawanis yang dapat menerima manfaat sedangkan terdapat 72,000 belia/ beliawanis yang memohon melalui FeMAC ke PTPK pada Januari 2018. Dengan peruntukan diluluskan hanya 23.6% daripada keperluan sebenar bagi Pembangunan Modal Insan Negara, sudah tentulah ia memberi implikasi